

(Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 16/2/2016

Muka surat: 13

Tajuk : Fakulti Kejuruteraan UNIMAS akan anjur Persidangan Kejuruteraan Antarabangsa

## Fakulti Kejuruteraan UNIMAS akan anjur Persidangan Kejuruteraan Antarabangsa

**KUCHING:** Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) buat kali kesembilan, akan menganjurkan Persidangan Kejuruteraan Antarabangsa (UNIMAS-STEM ENCON 2016) di Kuching bermula 26 hingga 28 Oktober kelak.

Bertemakan ‘Penyelesaian Inovatif Untuk Cabaran Kejuruteraan dan Teknologi Cabaran’, persidangan ini akan memfokuskan isu-isu penting antaranya struktur kejuruteraan, geoteknik, kejuruteraan sumber air, lebuh raya dan pengangkutan, kejuruteraan alam sekitar, kecekapan tenaga, tenaga boleh diperbaharui, kejuruteraan kimia, industri dan pembuatan dan sebagainya.

Persidangan itu akan diadakan dengan bengkel ‘Eurocode Design’ dengan tajuk ‘Reinforced Concrete and Structural Steel’ yang akan dikendalikan oleh dua penyelidik terkenal dalam bidang berkenaan daripada Universiti Teknologi Malaysia iaitu Mohamad Salleh Yassin dan Profesor Madya Dr Ahmad Baharuddin.

Selain itu, turut diadakan sempena persidangan ini adalah Ekspos Kejuruteraan, Teknologi dan Sains (STE-Ex) 2016 pada 26 Oktober 2016.

Ekspos ini akan mempamerkan produk inovatif daripada para ahli akademik serta industri yang digabungkan di bawah satu bumbung.

Hadiah terbaik bagi produk inovasi akan diumumkan selain hadiah-hadiah lain seperti emas, perak dan gangsa untuk teknikal terbaik dan sumbangan saintifik.

Kertas kerja yang melalui proses penilaian dan diterima akan dimuatkan dalam jurnal indeks SCOPUS yang diiktiraf sebagai ‘Continous Professional Development’ (CPD) oleh Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM).

Tarikh akhir untuk penyerahan dan pendaftaran adalah pada 2 Mei 2016 dan mereka yang berminat, boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan menghantar pertanyaan ke [encon2016@event.unimas.my](mailto:encon2016@event.unimas.my) atau melayari laman web <http://www.feng.unimas.my/encon2016/>.

Fakulti Kejuruteraan UNIMAS sememangnya telah berada di barisan hadapan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan sebagai usaha membantu universiti ini mencapai visi Pelan Strategik Universiti.

Baru-baru ini, fakulti ini telah menandatangani enam Memorandum Perjanjian (MoA) dan lima Memorandum Persefahaman (MoU) dengan rakan kongsi industri dan penyelidikan untuk menyemarakkan budaya penyelidikan dan mengeratkan kerjasama dengan pihak industri.

Katanya pihak perindustrian dan penyelidikan di galakkan mengadakan penyelidikan dan untuk membangunkan hubungan rapat dengan pihak industri.

Hasilnya, empat makmal telah ditubuhkan dan kira-kira RM5 juta geran dan kontrak penyelidikan sepanjang tahun 2015 serta 83 peratus daripada penyelidikan fakulti boleh dilihat pada Google Scholar dan telah diterbitkan dalam jurnal berkualiti tinggi.